

# Lelaki mengaku miliki syabu dipenjara tujuh bulan

**MIRI:** Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara tujuh bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan memiliki dadah berbahaya jenis syabu.

Tertuduh, Christopher Surai Empading, 37, didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta

Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 39A (1) akta sama yang boleh membawa hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh bukan sebagai seorang

yang diberikuasa di bawah ADB 1952, didapati ada memiliki dadah jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.40 gram.

Kesalahan didakwa dilakukannya pada jam 3 petang, 29 Oktober 2025 di sebuah bilik sewa di tingkat dua sebuah bangunan di Jalan Cynthula di sini.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara ke atas tertuduh dikuatkuasakan mulai tarikh tangkapan pada 29 Oktober 2025.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.